



KENYATAAN TENDER

KERJA-KERJA PEMBUANGAN KELODAK SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI TASIK
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA (PAKEJ 2)
(NO. TENDER: PPJ/JR/T/0002/2026)

- 1. Tender adalah dipelawa daripada **Kontraktor/Syarikat Tempatan** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, berserta keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas.
- 2. Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	MAKLUMAT JUALAN DOKUMEN	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TUTUP TENDER
Kontraktor CIDB dengan syarat-syarat berikut: Gred: G7 Kategori: CE Pengkhususan: CE40 (Kerja-kerja pengorekan dan kawalan hakisan) Memiliki sijil SCORE CIDB yang masih sah pada tarikh tutup tender dengan minimum tiga (3) bintang. DAN Surat Kebenaran Khas dari CIDB adalah TIDAK DIBENARKAN.	3 Ogos 2026 (Isnin) 9:00 pagi Bilik Mesyuarat Cemara, Aras 5, Blok C, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya.	TEMPOH JUALAN 6 Ogos 2026 (Khamis) sehingga 19 Ogos 2026 (Rabu) Jualan dokumen secara atas talian melalui laman web https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage HARGA DOKUMEN & KAEDAH BAYARAN Ringgit Malaysia RM500.00 (Tidak dikembalikan) Bayaran secara atas talian melalui laman web https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage	1 September 2026 (Selasa) 12:00 tengah hari Kaunter Perolehan, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

- 3. Kontraktor/Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan tender dan menyemak Dokumen Meja Tender di pautan berikut <https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage>.
- 4. Taklimat tender akan diadakan pada **3 Ogos 2026 (Isnin), 9.00 pagi** di **Bilik Mesyuarat Cemara, (C5), Aras 5, Blok C, Kompleks Perbadanan Putrajaya**. Kehadiran pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK ke sesi taklimat adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama Sijil PPK, SPKK/Sijil PUKONSA/Sijil UPKJ, Sijil SCORE CIDB dan Cap Syarikat.
- 5. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut.
- 6. Tender ini akan ditutup pada **1 September 2026 (Selasa), jam 12:00 tengah hari**. Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender. Dokumen yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan, pada tarikh yang ditetapkan bermula jam 8.00 pagi sehingga jam 12.00 tengah hari. Tawaran yang lewat dikemukakan tidak akan dipertimbangkan.
- 7. Kontraktor/Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan.

PERHATIAN:

Kontraktor/Syarikat yang berminat untuk menyertai tender **dikehendaki berdaftar di dalam sistem COINS (Sistem Maklumat Pengurusan Kontrak)**. Hanya kontraktor yang **BERDAFTAR** di dalam **sistem COINS** sahaja dibenarkan untuk **membeli dokumen tender**. Sila log masuk menggunakan log ID Pengguna dan kata laluan yang telah diberikan serta kemas kini dokumen berkaitan. (Kontraktor/Syarikat hanya dibenarkan mendaftar sekali sahaja).

Sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat spp@ppj.gov.my untuk sebarang pertanyaan.

KENYATAAN INI JUGA TERDAPAT DI LAMAN WEB SEPERTI BERIKUT:

(<https://www.ppj.gov.my/>): (<https://ipm.gov.my/>) dan (<https://myprocurement.treasury.gov.my/>)